

08 AUG 2000

PERDANA MENTERI DIWAWANCARA AKHBAR ARAB SAUDI

PUTRAJAYA, 8 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini ditemuramah oleh Editor Pengurusan Eksekutif sebuah akhbar ternama Arab Saudi.

Dalam temubual eksklusif dengan Faheem Al-Hamid dari Saudi Gazette di pejabat Perdana Menteri di sini, Dr Mahathir ditanya antara lain tentang hubungan Malaysia dan Arab Saudi.

Menurut seorang pegawai Pejabat Perdana Menteri, Dr Mahathir juga ditanya bagaimana meningkatkan hubungan dua hala termasuk dalam bidang perdagangan dan pelaburan.

Saudi Gazette yang berpejabat di Jeddah, merupakan akhbar yang mempunyai jualan tertinggi di Arab Saudi.

Kepimpinan Dr Mahathir dan pembangunan pesat di Malaysia sentiasa menarik perhatian negara-negara Islam di Asia Barat.

-- BERNAMA

RAZ ZS MAI